

Mantapkan akidah generasi muda

HM 1/5/08 M/S 14

Keluhuran akhlak boleh atasi masalah pelacuran, merempit, penagihan dadah, samseng

KERUNTUHAN akhlak dan rendahnya nilai serta penghayatan agama semakin menjalar dan membarah di kalangan umat Islam hari ini. Akibat terlalu mengejar kemewahan dan kesenangan dunia, manusia semakin melupakan tanggungjawab agama serta tidak lagi sensitif dengan realiti yang berlaku. Agama kini sudah dianggap perkara sampingan saja dan bukan lagi keutamaan.

Agama adalah asas kehidupan dan tunjangnya ialah akidah yang murni lagi sejahtera.

Akidah adalah obor kehidupan yang akan memandu manusia ke jalan kebenaran.

Akidah di samping ibadah dan akhlak yang mantap adalah inspirasi dan aspirasi kehidupan yang unggul serta mampu menjadi teras kepada pembentukan generasi Islam yang kental berwibawa.

Kekuatan akidah dalam jiwa dan sanubari generasi muda hari ini menjadi penentu kepada kecemerlangan generasi yang akan lahir pada masa hadapan.

Tanpa akidah yang segar dan kukuh, kehidupan yang dilalui umpama meniti dahan rapuh dan bakal tersungkur bila-bila masa.

Golongan muda mempunyai tugas dan peranan yang cukup besar terhadap agama, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan digital ini.

Gejala dan penyakit sosial seperti tarikan dunia pelacuran, penagihan dadah,

kumpulan samseng, aktiviti merempit, pergaulan bebas tanpa batasan jantina dan sebagainya perlu ditangani sebaik mungkin agar tidak terus menjadi wabak dan barah berbahaya kepada struktur masyarakat di negara kita.

Penekanan ajaran agama dan pemantapan akidah generasi muda hendaklah ditingkatkan demi survival umat Islam hari ini.

Islam sebagai sebuah sistem cara hidup yang lengkap lagi komprehensif bukan sekadar mementingkan kehebatan material, fizikal dan mental sahaja, malah aspek spiritual juga amat penting dan perlu diberikan penekanan seimbang.

Spiritual dan asas pegangan yang lemah hanya membawa kepada keruntuhan jiwa di mana boleh mereputkan prasarana akidah yang sudah sedia terbina dalam diri masing-masing.

Landasan akidah yang kebal perlu dibentuk sebagai persediaan, benteng dan ke-



TAK TAHAN ...remaja perlu memenuhi tuntutan nafsu dengan cara yang halal serta menurut syariat Islam.

kuatan menghadapi segala cabaran dan dugaan dalam hidup.

Dalam keadaan Islam dan umat Islam senantiasa berada dalam keadaan serta persepsi amat negatif di Barat dan seluruh dunia serta hebat difitnah serta dilabelkan

dengan pelbagai tohmahan, tuduhan, kritikan dan sebagainya, maka akidah umat Islam hari ini perlu bertambah matang dan perkasa.

Akidah yang berkarat akan menjadikan seseorang itu jauh daripada agama yang mana akan membawa kepa-

da perlakuan, tindakan dan nilai akhlak yang buruk.

Mereka akan bertindak di luar batasan pemikiran dan agama serta menjadikan nafsu sebagai tuhan.

Soal halal dan haram sudah tidak penting lagi kerana apabila hati serta pemikiran

menggadai maruah, harga diri dan kehormatan sesuka hati saja.

Wajar juga ditekankan agar komited dan tekad menjaga air muka, standard dan maruah keluarga, masyarakat, negara serta menjunjung tinggi nilai agama yang ada.

Dalam buku Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam (2002) karya Dr. Abdullah Nasih Ulwan menyatakan bahawa asas yang kuat, kadah yang teguh dan prinsip yang tinggi penting dalam hal menyediakan anak dalam lapangan pendidikan dan pembentukan diri sebagai anak Islam.

Tidak ada jalan lain yang lebih baik dan sempurna, melainkan wajiblah mengambil dasar pendidikan Islam yang menyeluruh, yang dihuraikan caranya oleh Syariat Islam, serta diletakkan pokoknya oleh Rasulullah s.a.w bagi mencapai misi dan visi pendidikan anak generasi masa kini.

Oleh itu, mementingkan

sudah terbiasa dengan kejahilan dan kedangkalan agama, maka segala yang dilakukan adalah bersandar kepada hawa nafsu semata-mata.

Mereka lupa untung nasib di akhirat dan alpa dengan kewujudan syurga mahupun neraka.

Lalai dan dibuai mimpi indah serta impian kosong ciptaan imaginasi sendiri jika agama tidak lagi menjadi sandaran hidup.

Mereka seolah-olah cuba menipu diri sendiri dan orang lain di sekeliling. Keadaan itu adalah satu penganiayaan terhadap diri sendiri dan jika tidak dirawat dengan baik, maka penyakit terbabit akan membinasakan mereka yang angkuh dan lupa diri dan agama.

Justeru, dalam keadaan dunia yang serba mencabar, komplikated, kompleks dan global, golongan remaja perlu disematkan dengan didikan agama sebanyak mungkin dengan memberikan penekanan kepada pemantapan akidah, ibadah dan akhlak semaksimum mungkin.

Mereka perlu diajar agar tidak sewenang-wenangnya

kecemerlangan akademik, kerjaya, kemahiran dan hal yang berkaitan dengan duniaan saja tanpa disusuli dengan didikan agama mantap dan sempurna hanya akan melahirkan lebih ramai generasi bermasalah serta bermacam-macam lagi pada masa depan.

Ibu bapa, guru, pemimpin masyarakat dan negara, ulama, NGO dan semua pihak perlulah berusaha bersungguh-sungguh memperkaskan pendidikan agama yang holistik kepada generasi muda agar golongan itu tidak jauh tersasar daripada landasan agama sebenar.

Generasi hari ini adalah pemimpin dan peneraju generasi akan datang, jika mereka rosak dan lemah, masa hadapan generasi akan datang akan berada dalam keadaan amat membimbangkan.

Modal insan itu tidak boleh dibiarkan terus hanyut dan memerlukan pembelaan serta perhatian semua pihak.

Untuk itu, semua pihak perlu bekerjasama menyelamatkan mereka daripada jauh tersasar, menyimpang daripada landasan agama dan memusnahkan diri sendiri.